



MALAYSIA PERKASA AGENDA KEMAHIRAN ASEAN DI ATMC 2025: SERU KERJASAMA SERANTAU YANG LEBIH ERAT

KUALA LUMPUR, 15 Julai 2025 – Kementerian Sumber Manusia Malaysia (KESUMA) bersama agensinya, Human Resource Development Corporation (HRD Corp) telah menganjurkan Persidangan Pasaran Latihan ASEAN (ASEAN Training Market Conference - ATMC) 2025 di Kuala Lumpur pada hari ini. Persidangan ini mengukuhkan komitmen bersama ASEAN untuk melengkap tenaga kerja rantau ini dengan kemahiran masa hadapan seiring transformasi ekonomi yang pesat.

Bertempat di Hotel Berjaya Times Square, ATMC menghimpunkan lebih 600 peserta, termasuk penyedia latihan terkemuka dari dalam dan luar negara, majikan, penggubal dasar serta wakil organisasi perniagaan dari seluruh ASEAN. Persidangan ini merupakan salah satu daripada tujuh inisiatif berimpak tinggi di bawah Tahun Kemahiran ASEAN (ASEAN Year of Skills - AYOS) 2025, yang dianjurkan sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Malaysia, YB Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad, yang merasmikan acara ini, menegaskan bahawa memperkukuh ekosistem penyedia latihan dan tenaga pengajar amat penting untuk menjamin daya saing ASEAN pada masa hadapan.

“Di seluruh ASEAN, kita sedang menyaksikan kuasa gangguan daripada automasi, kecerdasan buatan, ekonomi digital dan peralihan hijau. Semua ini sedang mengubah industri, menggugat peranan pekerjaan sedia ada dan mentakrif semula kemahiran yang perlu dimiliki rakyat kita untuk terus maju.”

“Untuk mentransformasikan ekonomi, kita mesti mengubah cara kita melatih bakat. Malaysia berbangga untuk menerajui agenda ini di bawah Kepengerusian ASEAN, bagi memastikan sistem latihan kita kekal relevan kepada industri, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa depan,” katanya.

UNTUK SIARAN SEGERA

Dengan tema “Memperkasa Pembekalan Latihan ASEAN: Merapatkan Jurang Kemahiran, Inovasi dan Kerjasama untuk Ekonomi Masa Hadapan”, ATMC memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh ekosistem latihan serantau bagi memenuhi keperluan baharu yang muncul. Antara perbincangan utama ialah meningkatkan kualiti dan kapasiti penyedia latihan, menangani ketidakpadanan kemahiran, meluaskan akses kepada peluang pembelajaran serta mengetengahkan inovasi dalam penyampaian latihan dan pendidikan.

Persidangan ini turut menekankan pentingnya menangani isu kesaksamaan dalam pembangunan kemahiran serta mendorong pelaburan sektor swasta yang lebih besar untuk memastikan tenaga kerja ASEAN bersedia menghadapi masa depan.

Antara tokoh serantau terkemuka yang berkongsi pandangan mereka ialah Dr. Markus Bernhardt, Pakar Strategi Pembelajaran dan Pembangunan untuk Tenaga Kerja Berasaskan AI; Yue Yean Feng, Ketua Program Universiti dan Tanggungjawab Sosial Korporat IBM Asia Pasifik; serta Mary Kent, Pakar Kemahiran dan Keboleherjaan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Penglibatan mereka mencerminkan komitmen kukuh rantau ini terhadap pembangunan modal insan secara kolektif.

Pengerusi HRD Corp, Datuk Abu Huraira Abu Yazid, dalam ucapannya menyatakan bahawa ATMC bukan sahaja bertujuan memperkukuh pembekalan latihan di Malaysia, tetapi juga untuk membina ekosistem serantau yang saling menyokong pertumbuhan ASEAN.

“Kami berasa bangga dapat menampilkan pelbagai inovasi serantau dan perkongsian rentas negara dalam program hari ini. Kerjasama dan jalinan yang terbentuk di sini akan memastikan tenaga kerja kita kekal berdaya saing, mudah menyesuaikan diri dan berdaya tahan dalam menghadapi perubahan global. Bersama-sama, kita mampu meningkatkan kualiti dan capaian pasaran latihan untuk memberi manfaat kepada rakyat dan ekonomi kita.”

Di bawah kepimpinan Menteri Sumber Manusia Malaysia, YB Steven Sim Chee Keong, Malaysia terus menerajui agenda ASEAN ke arah pembentukan tenaga kerja yang lebih berkemahiran, mobil dan bersedia untuk masa hadapan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Turut hadir di ATMC ialah Ketua Setiausaha KESUMA, Datuk Azman Yusoff; Ketua Pegawai Strategi merangkap Pengerusi AYOS 2025, Dr. Rony Ambrose Gobilee; dan Ketua Pegawai Program HRD Corp, Soffian Mohammed Amin.

Awal tahun ini, inisiatif Minggu Latihan Nasional (NTW) di bawah AYOS 2025 berjaya mencatat penyertaan luar biasa seramai 3.7 juta peserta dari seluruh rantau ASEAN, mencerminkan minat dan penglibatan tinggi dalam pembangunan kemahiran. Buat pertama kali, inisiatif ini dibuka kepada peserta dari negara ASEAN bagi tujuan penambahan dan peningkatan kemahiran melalui 73,000 kursus yang ditawarkan secara percuma sehingga hujung tahun.

Melangkah ke hadapan, KESUMA dan HRD Corp akan terus menggalakkan kerjasama serantau melalui beberapa acara utama akan datang seperti Persidangan TVET ASEAN, Persidangan dan Pameran Modal Insan Kebangsaan 2025, Forum Kemahiran Global dan Forum Menteri-Menteri Tenaga Kerja ASEAN mengenai Pembangunan Modal Insan. Kesemua inisiatif ini dirangka bagi menyelaraskan ekosistem kemahiran ASEAN dengan trend global dan keperluan ekonomi semasa.

KESUMA dan HRD Corp merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan ASEAN, institusi latihan, majikan dan organisasi yang telah menyumbang kepada kejayaan ATMC 2025.

Bersama-sama, rantau ini sedang meletakkan asas untuk membina tenaga kerja ASEAN yang lebih kukuh, berdaya tahan dan bersedia merebut peluang dalam landskap global yang semakin kompleks.

Untuk maklumat lanjut mengenai AYOS 2025 dan program-program serantau yang akan datang, sila layari www.aseanyearofskills.org.

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggubalan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penajaan pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.